

# Projek CTP bakal bawa pembangunan di Changlun

ROSHILA MURNI ROSLI 12 Januari 2025 05:02pm **Masa membaca: 2 minit**



Program kitar semula antara aktiviti yang dianjurkan dalam Projek CTP di Changlun.

KUBANG PASU - Universiti Utara Malaysia (UUM) melancarkan Projek Transformasi Changloon (CTP) sebagai inisiatif yang bakal membawa Changlun ke arah pembangunan dan kemajuan yang lebih besar dan bermakna.

Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr Mohd Foad Sakdan berkata, projek itu merupakan hasil kerjasama strategik pelbagai pihak iaitu, UUM, kerajaan, pihak berkuasa tempatan, rakan-rakan industri, masyarakat setempat dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurutnya, CTP adalah usaha UUM untuk merancakkan pembangunan Changlun melalui penyediaan infra, struktur asas dan kemudahan sosial, pembangunan sosioekonomi, peningkatan kualiti hidup, serta penjanaan pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan.

"Projek itu didasarkan kepada empat fokus utama iaitu Transformasi Sisa di mana pengurusan sisa yang mampan dapat memastikan Changlun menjadi bandar yang bersih dan mesra alam.

"Kedua, Transformasi Pengetahuan, dengan pendidikan dan inovasi, kita berhasrat membina masyarakat yang berdaya saing serta berfikiran ke hadapan menjadi masyarakat berilmu yang akan terzahir daripada perlakuan sehari-hari," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.



Mohd Foad (dua dari kiri) merasmikan Majlis Pelancaran Projek Transformasi Changloon, di C-Mart Changlun pada Sabtu.

Beliau berkata, dalam Transformasi Pelancongan pula projek itu akan mempromosikan keunikian budaya dan keindahan Changlun sebagai destinasi pelancongan yang unggul dengan memanfaatkan kedudukannya sebagai pintu masuk utara Malaysia.

"Bagi fokus terakhir pula adalah Transformasi Sosial iaitu berkaitan perpaduan dan kesejahteraan masyarakat.

"Kita mahu membentuk komuniti yang harmoni dan saling menyokong, masyarakat penyayang dan persekitaran yang selamat,"ujarnya.

Jelas Mohd Foad, projek CTP bukan sekadar rancangan di atas kertas, sebaliknya ia adalah gerakan perubahan yang melibatkan setiap individu di Changlun.

"Kami percaya bahawa dengan pendidikan, inovasi, dan semangat kerjasama, Changlun mampu menjadi model pembangunan mampan yang

boleh dicontohi oleh kawasan lain dalam memperkasakan masyarakat Malaysia," katanya.

Tambahnya, transformasi bukanlah tugas yang mudah kerana memerlukan masa, tenaga, komitmen dan usaha kolektif daripada semua pihak.

"Namun, saya yakin dengan komitmen kita bersama, Changlun mampu menjadi sebuah bandar yang bukan sahaja maju, tetapi juga penuh dengan jiwa dan identiti.

"Kepada masyarakat Changlun, marilah menjadi sebahagian daripada perjalanan ini. Sumbangkan idea, tenaga, dan sokongan untuk merealisasikan impian ini," tambahnya.